

SOALAN NO. 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan pelan strategik termasuk insentif dalam usaha mewajibkan
para majikan menyediakan sistem sokongan bagi pekerja seperti taman
asuhan kanak-kanak di tempat kerja bagi mengurangkan kebergantungan
terhadap pembantu rumah asing dan menggalakkan penyertaan wanita
dalam tenaga kerja.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja melalui penyediaan inisiatif bagi membantu majikan menyediakan sistem sokongan yang baik supaya turut membantu Kerajaan dalam mencapai hasrat tersebut. Ini adalah penting kerana ia membolehkan lebih ramai golongan wanita memasuki pasaran pekerjaan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) yang menyasarkan kadar 55% penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada tahun 2015. Sasaran penyertaan wanita dalam tenaga kerja juga telah ditingkatkan ke 59% pada tahun 2020 sebagaimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Antara perkara yang ditekankan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja ialah untuk majikan mewujudkan

pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Antara inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan ialah:

- (i) Pengecualian cukai 10 peratus diberi kepada majikan ke atas kos keseluruhan pembinaan TASKA di tempat kerja swasta bagi tempoh 10 tahun;
- (ii) Pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA di tempat kerja swasta serta pusat jagaan kanak-kanak;
- (iii) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak swasta; dan
- (iv) Peruntukan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap kementerian dan jabatan bagi menubuhkan TASKA di tempat kerja.

Sehingga bulan September 2015, sebanyak 32 buah TASKA di tempat kerja sektor swasta telah berdaftar dengan JKM.

Selain itu, antara inisiatif lain yang disediakan oleh Kerajaan dalam menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja ialah seperti berikut:

(i) ***Flexible Work Arrangements***

Flexible Work Arrangements (FWA) atau pengaturan kerja fleksibel merupakan kemudahan yang dapat membantu pekerja wanita yang mempunyai anak. Di bawah Bajet 2014, majikan dicadangkan melaksanakan pengaturan kerja fleksibel yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Skim ini boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti *compressed work week*, *flexi hours* dan *work from home*. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan pengaturan kerja fleksibel, perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan di bawah Bajet 2014.

Selain itu, portal FlexWorkLife.my yang dilancarkan pada 8 Julai 2013 dengan kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita iaitu sebuah agensi di bawah KPWKM, TalentCorp Malaysia dan MyStarJob, berperanan:

- i) memaparkan pekerjaan yang berdasarkan FWA (*flexijobs*);
- ii) menyediakan repositori amalan terbaik FWA dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat; dan
- iii) menyediakan platform permohonan insentif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan FWA.

Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 684 flexi jobs telah diiklankan oleh lebih 120 majikan sementara bilangan pemohon pekerjaan ialah 5,547. Bagi tempoh 1 Januari 2015 sehingga 30 April 2015 pula, 188 flexijobs telah diiklankan oleh lebih 33 majikan.